

## **Season Two: The Kingdoms**

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p>Episod17:</p> <p>POMPEII</p> <p>SUARA:</p> <p><b>PERSAMAAN KISAH KAUM NABI LUTH DAN SEJARAH KOTA POMPEII</b></p> <p>SEJARAH KOTA POMPEII BERLAKU PADAKURUN PERTAMA MASIHI IAITU SEKITAR TAHUN 79 MASIHI. KOTA INIBERADA DI SEBELAH TENGGARA KOTA NAPOLEONATAU SEKARANGINI TERLETAK DI CAMPANIA, ITALI. LETUSAN GUNUNG BERAPI VESUVIUS MENYEBABKAN KEMUSNAHAN BESAR TERHADAP KOTA INI.SELURUHKOTA POMPEIILENYAP SELAMA 1,600 TAHUN SEBELUM DITEMUKAN KEMBALI DISEBABKAN OLEH DEBU LETUSAN GUNUNG BERKENAAN.</p> <p>PENGGALIAN SEMULA KOTA POMPEII MEMBERIKAN PEMANDANGAN YANG AGUNG BAGI SEBUAH KOTA DI</p>	

PUNCAK KEJAYAAN KAISAR ROM.  
KINI, KOTA POMPEII TERMASUK  
SALAH SATU DARI PADA TAPAK  
WARISAN DUNIA UNESCO.  
KOTAINISEBENARNYAMASYHUR  
DENGAN KEJAHATAN DAN  
KEJATUHAN MORAL MANUSIA  
SEHINGGA BENCANA BESAR  
MENIMPANYA.

PENDUDUK KOTA POMPEII HAMPIR  
SAMA DENGAN PARA PENDUDUK  
KOTA PURBA YANG LAIN JUGA.  
MEREKA MENJALANKAN AKTIVITI  
JUAL BELI SERTA SALING  
BERINTERAKSI SESAMA MEREKA.  
NAMUN BEGITU,SUATU KEJADIAN  
MISTERI TELAH BERLAKU SEHINGGA  
MENGAKIBATKAN PENDUDUK KOTA  
INISERTA BANGUNANNYA LENYAP  
SAMA SEKALI.

KOTA POMPEII MERUPAKAN SALAH  
SATU KOTA YANGUNGGUL  
SEMASA PEMERINTAHAN EMPAYAR  
ROM. KEWUJUDAN KOTA  
INI DIKETAHUI  
OLEH SESIAPASEHINGGALAH TAHUN  
1594. PADA TAHUN TERSEBUT, KERJA  
PENGGALIAN TEROWONG DI KAKI

GUNUNG BERAPI VESUVIUS TELAH DIJALANKAN OLEH SEKUMPULAN PEKERJA UNTUK PERLAKSANAAN PROJEK PENGAIRAN KE SEBUAH DESA YANG BERHAMPIRAN.

PROSES PENGGALIAN TANAH GIAT BERJALAN. TETAPI OPERASI MEREKA TERPAKSADIHENTIKAN SELEPAS MEREKA MENEMUI OBJEK ANEH YANG TERTIMBUS DI DALAM TANAH. PENINGGALAN ANEH SEPERTI ARTIFAK ITU DIKELUARKAN SATU PERSATU DAN BERITA PENEMUANNYA TIDAK DAPAT DIBENDUNG LAGI.

WALAUBAGAIMANAPUN, PADA TAHUN 1631 GUNUNG BERAPI VESUVIUS MELETUS SEBANYAK TUJUH KALI SEHINGGA MEMUSNAHKAN KAWASAN PENEMUAN ARTIFAK BERKENAAN TERMASUKLAH KAWASAN BERHAMPIRAN.

76 TAHUN SELEPAS ITU OPERASI PENGGALI ANDIJALANKAN KEMBALI YANG DIPELOPORI OLEH PUTERA D'ELBOEUF SELEPAS BELIAU

MENDENGAR KEWUJUDAN ARTIFAK BERHARGA DAN HARTA KARUN TERTANAM DI KAWASAN BERKENAAN. MEREKA MENERUSKAN PENGGALIAN TINGGALAN ARTIFAK YANG TERKUBUR DI BAWAH TANAH TEMPAT TERSEBUT. SEMASA OPERASI TERSEBUT DIJALANKAN, KEHILANGAN KOTA POMPEII YANG MENJADI MISTERI SEBELUMNYA TELAH TERJAWAB. MALAHAN, ARTIFAK YANG DITEMUI TERMASUK LAH PULUHAN PATUNG BERBENTUK MANUSIA DALAM KEADAAN MENGERIKAN SELAIN DARIPADA PENEMUAN TEMBIKAR DAN BARANGAN PURBA.

ANTARANYA IALAH PENEMUAN ANEH SEKUMPULAN JASAD MANUSIA YANG SEOLAH-OLAH BERTUKAR MENJADI PATUNG BATU KETIKA SEDANG MENJAMU SELERA. BEGITU JUGA MEREKA TURUT MENEMUI BERPULUH-PULUH JASAD MANUSIA BERTUKAR MENJADI BATU KETIKA SEDANG MELAKUKAN HUBUNGAN SEKS TERMASUK SEKS LUAR TABIE.

SEBENARNYA, KOTA POMPEIIINI

MENJADI PUSAT KEGIATAN ZINA DAN AMALAN HOMOSEKSUAL. NASIB MENIMPAPENDUDUK POMPEII MENYERUPAI NASIB YANG KAUM NABI LUT. APABILA GUNUNG BERAPI VESUVIUS TIBA-TIBA MEMUNTAKAN ISIPERUTNYA,LAHAR PANAS YANG MENGALIR TURUN MENGAKIBATKAN KEHANCURAN KOTA POMPEII.

DAPAT DILIHAT DENGAN JELAS RAUT WAJAH PENDUDUK POMPEII YANG DALAM KETAKUTAN DAN TERKEJUT APABILA BENCANA MENIMPA MEREKA TANPA DIDUGA. KISAH SEBENAR MENGENAI KOTAINI BERJAYA DIBONGKARKAN LAGI DENGANKAJIANYANG BERTERUSAN. SEKITAR KURUN KEENAM SEBELUM MASIHISEKELOMPOK MASYARAKAT DI BAHAGIAN TENGAH ITALI IAITUKAUMOSCANATAUOSCI TELAH MENDIRIKAN KOTAINI.

KEMUDIAN, PERKEMBANGAN PESAT DAN KEMAJUAN PEMBANGUNAN LAHIRIAH TELAH DIALAMI OLEH KOTA POMPEII. NAMUN BEGITU,KOTAINI BERSELINDUNG DI SEBALIK KEMAJUAN SENI BINA YANG

MEMUKAU DENGAN MENJADI PUSAT  
PELACURAN SERTA AMALANYANG  
MELAMPAUI BATAS  
KEMANUSIAAN.RUMAH PELACURAN  
YANG DIBANGUNKAN BEGITU  
BANYAK SEKALI. PADA ZAMAN ITU,  
KEPERCAYAAN  
'MITHRA' DIKATAKANMENJADI  
AMALAN PENDUDUK KOTA  
TERSEBUT.MENGIKUT KEPERCAYAAN  
INI.PERSETUBUHAN DANALAT  
KELAMIN HARUS DIJALANKAN  
SECARA TERBUKA DAN BUKANNYA  
DISEMBUNYIKAN.

AKIBAT KEGIATAN TIDAK BERMORAL  
YANG BERLANJUTAN, GUNUNG  
BERAPI VESUVIUS YANG MENYEPI  
LEBIH KURANG DUA JUTA TAHUN  
TELAH MELETUS. BENCANA YANG  
AMAT DAHSYAT ITU TELAH  
MENENGGELAMKAN PENDUDUK  
POMPEII SERTA MELENYAPKAN  
POMPEII DARIPADA SEJARAH  
KETAMADUNAN DUNIA.

SITUASI YANG MENGERUNKAN  
INI JELAS MEMBUKTIKAN BAHAWA  
KEMUSNAHAN KOTA INI HAMPIR  
SAMA DENGAN SEKSAPEMBALASAN

**YANG DIRAKAMKAN DI DALAM AL-QURAN: “TIDAK ADA SEKSAAN ATAS MEREKA MELAINKAN SATU TERIAKAN SAHAJA MAKA TIBA-TIBA MEREKA SEMUANYA MATI” (SURAH YAASIN:29)**  
OLEH HAL YANG DEMIKIAN, KITA SEWAJARNYA MENGAMBIL PEDOMAN DAN TELADAN DARIPADA PERISTIWA DAN SEJARAH KOTA POMPEII, AGAR KEJADIANINI TIDAK BERULANG DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT PADA ZAMAN SEKARANG.